



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

A. PASAR SEGAR TERKAWAL

1. Apakah itu Pasar Segar Terkawal?

Pasar Segar Terkawal atau PST merupakan pusat jualan barangan segar serta hasil pertanian di bawah inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) yang dikendalikan oleh agensi Kerajaan iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). PST ini beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di laksanakan di seluruh negara.

2. Di manakah lokasi dan bilakah waktu operasi PST?

Pada masa ini, terdapat 144 lokasi PST yang beroperasi di seluruh negara bermula jam 8.30 pagi sehingga jam 4.00 petang. Senarai penuh lokasi dan waktu operasi boleh di semak melalui laman sesawang www.fama.gov.my dan www.agrobazaar.com.my.

3. Apakah barangan yang boleh didapati di PST?

Antara barangan segar dan hasil pertanian yang boleh di dapati ialah sayur-sayuran, buah-buahan, barangan runcit, barangan industri asas tani (IAT) dan barangan basah seperti ayam, daging dan hasil laut (di lokasi terpilih).

4. Adakah keselamatan pengguna terjamin ketika berbelanja di PST?

Agensi yang terlibat telah mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat di semua PST yang beroperasi sepanjang tempoh PKP serta mematuhi saranan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta pihak berkuasa yang lain. Antara tatacara yang di amalkan adalah:

- i. Pengunjung beratur dengan jarak 1 meter;
- ii. Saringan suhu kepada setiap pekerja dan juga pengunjung;
- iii. Menghadkan bilangan pengunjung di dalam premis perniagaan pada satu-satu masa;
- iv. Penggunaan pembasmi kuman dengan kerap; dan
- v. Masa pembelian yang terhad kepada setiap pengunjung.

5. **Selain daripada berkunjung ke PST serta melakukan pembelian secara fizikal, adakah cara alternatif untuk saya mendapatkan bekalan barangan di PST?**

PST turut menawarkan dua (2) kaedah belian alternatif iaitu secara pandu lalu (*drive thru*) dan juga pra-tempahan (*pre-order*) di beberapa lokasi terpilih. Kedua-dua kaedah ini turut mematuhi SOP ketat bagi memastikan keselamatan pengunjung.

Berikut adalah ringkasan tatacara pembelian melalui pandu lalu dan pra tempahan:

i. **Pandu Lalu (Drive-Thru)**

- a) Kenderaan memasuki kawasan perniagaan;
- b) Borang tempahan akan diserahkan kepada pengguna;
- c) Pengguna menyerahkan borang tempahan kepada petugas;
- d) Pengguna menunggu dikawasan yang disediakan;
- e) Petugas akan menghubungi pengguna bagi pengambilan; dan
- f) Bayaran terus dibuat semasa serahan barangan dibuat.

ii. **Pra-tempahan (*Pre-order*)**

- a) Pesanan akan dibuat melalui *platform* media sosial (www.agrobazaar.com.my);
- b) Pesanan akan dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang;
- c) Penghantaran akan dibuat pada hari berikutnya melalui *dropship* atau *self-pick-up*; dan
- d) Bayaran akan dibuat di atas talian atau tunai semasa penghantaran.

6. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut dan terkini berkaitan PST?

Maklumat boleh didapati melalui capaian www.fama.gov.my dan juga www.agrobazaar.com.my

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
2 MEI 2020**